

RESOLUSI

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KALI KE-15 (MUZAKARAH2021)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسوله الأمين نبينا محمد صلى الله عليه وسلم وعلى آله وأصحابه
أجمعين

Dengan limpah kurnia Allah (SWT), Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15 (MUZAKARAH2021) yang bertemakan “*Industri Kewangan Islam Pasca Pandemik: Impak, Cabaran dan Hala Tuju*” telah berlangsung dengan jayanya pada 7-8 Julai 2021 bersamaan 26-27 Zulkaedah 1442H secara maya di platform Zoom. Muzakarah 2021 ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato’ Azman Mokhtar, Ahli Lembaga Pengarah, Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF).

Selari dengan tema yang dipilih, MUZAKARAH2021 telah membahas dan mengupas beberapa isu utama yang mendepani industri kewangan Islam semasa dan pasca pandemik COVID-19, iaitu:

1. Moratorium di institusi kewangan Islam
2. Pindaan klausa dana *tabarru’* dalam produk takaful
3. Penggunaan sumber dana alternatif seperti zakat ketika pandemik

Isu 1: Moratorium di Institusi Kewangan Islam

MUZAKARAH2021 **mengambil maklum** bahawa:

1. Kebanyakan negara ASEAN melaksanakan moratorium (relaksasi) dengan pendekatan berbeza termasuk moratorium dengan kelulusan automatik (Malaysia) dan moratorium bersasar (Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Vietnam) bagi mengurangkan impak kepada ekonomi ekoran pandemik COVID-19.
2. Langkah tawaran moratorium oleh kerajaan telah memberi kesan positif kepada kedua-dua pihak institusi kewangan Islam (IKI) dan pelanggan. Namun, moratorium boleh memberi impak kepada IKI dari sudut penyusutan keuntungan perniagaan dan melengahkan kesan sebenar pandemik terhadap kualiti asset (*asset quality*).
3. Implementasi moratorium telah menimbulkan beberapa isu-isu Syariah dan operasi. Antaranya:

(a) **Isu Syariah:**

- (i) Pengenaan **keuntungan berkompoun** (*compounding profit/recapitalisation of accrued profit*) dalam pembiayaan yang dijadual atau distruktur semula (*rescheduling/restructuring*) bagi pembiayaan berasaskan hutang
- (ii) Penggunaan **kaedah anggap setuju** (*deemed consent*) bagi meminda terma-terma pembiayaan, terutamanya tempoh pembiayaan dan kadar keuntungan
- (iii) Penggunaan **perjanjian asal** dalam penstrukturan semula

(b) **Isu operasi:**

- (i) Piawaian perakaunan berkaitan **rugi/untung pengubahsuaian** (*modification loss/gain*)
- (ii) **Pindaan dan modifikasi dalam sistem teknologi maklumat (IT)** bagi pematuhan menyeluruh kepada kehendak Syariah dan polisi pengawalselia (*regulator*)
- (iii) Kesan kepada **daya saing** IKI susulan daripada larangan keuntungan berkompoun

MUZAKARAH2021**memutuskan** bahawa:

1. Pelaksanaan moratorium perlu mengambil kira **kepentingan kedua-dua pihak, iaitu IKI dan pelanggan** selari dengan kaedah '*la darar wa la dirar*'. Justeru, pengiraan keuntungan terakru (*accrued profit*) tanpa kompoun sepanjang tempoh moratorium telah diterima sebagai salah satu solusi yang dapat mengimbangkan kemaslahatan kedua-dua pihak demi memelihara daya tahan (*resilience*) industri kewangan Islam tanpa membebankan pelanggan.
2. Selari dengan resolusi dan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti dalam dan luar negara, penstrukturan semula pembiayaan berasaskan kontrak hutang tertanggung seperti hutang *murabahah* **tidak dibenarkan untuk mengenakan keuntungan berkompoun** sepanjang tempoh moratorium.
3. **Semakan (review) terhadap implementasi** keputusan Majlis Penasihat Syariah di peringkat pusat dan IKI beserta dengan garis panduan Syariah yang berkaitan perlu dilakukan.
4. IKI bersama-sama dengan Penasihat Syariah perlu memainkan **peranan dalam memberi penjelasan kepada masyarakat** terhadap isu-isu Syariah dalam urusniaga kewangan Islam ketika pandemik melalui pelbagai medium.

Isu 2: Pindaan Klausula Dana *Tabarru'* dalam Produk Takaful

MUZAKARAH2021**mengambil maklum** bahawa:

1. Terma kontrak produk takaful **tidak boleh dipinda tanpa persetujuan** antara pihak pengendali takaful dan peserta takaful.

2. Terdapat **klausa pengecualian** perlindungan terhadap risiko tertentu di dalam produk takaful, seperti pandemik COVID-19. Justeru, pengendali takaful tidak boleh menggunakan dana risiko untuk menanggung kos rawatan COVID-19 bagi pemegang sijil takaful kesihatan tanpa pindaan kepada klausa takaful sedia ada atau tanpa persetujuan semua peserta takaful.
3. Terdapat dua pendapat utama dalam isu pindaan klausa dana *tabarru'* (tanpa persetujuan semua peserta takaful) bagi memberi perlindungan kepada peserta takaful yang menjadi mangsa pandemik COVID-19:
 - (a) **Dibenarkan:** Berdasarkan konsep *ta'awun* dan prinsip *hajah*
 - (b) **Tidak dibenarkan:** Berdasarkan **terma kontrak takaful semasa dan peruntukan undang-undang dan regulasi.**

MUZAKARAH2021 memutuskan bahawa:

1. **Kepentingan peserta takaful yang mengalami sakit tenat akibat jangkitan virus COVID-19** dan memerlukan rawatan perubatan segera perlu diambil kira dalam menentukan samada klausa dana *tabarru'* boleh dipinda tanpa persetujuan semua pihak.
2. Garis panduan (*guidelines*) perlu dirangka apabila pindaan klausa dana *tabarru'* tanpa persetujuan pihak pengendali takaful dan peserta takaful dibenarkan bagi kontrak takaful yang sedia ada. Ini bagi memastikan kelestarian dana *tabarru'*, kestabilan dan daya saing pengendali takaful, dan melindungi hak keseluruhan peserta takaful.
3. Klausa kontrak takaful pada masa hadapan perlu mengambil kira situasi pandemik bagi memelihara hak dan keadilan semua peserta takaful.

Isu 3: Penggunaan Sumber Dana Alternatif Seperti Zakat Ketika Pandemik

MUZAKARAH2021 mengambil maklum bahawa:

1. Ulama berselisih pendapat dalam isu pemberian **pinjaman secara *qard hasan*** kepada **asnaf zakat *gharimin* dari sumber dana zakat:**
 - (a) **Dibenarkan:** berhujah dengan masalah, *hajah* dan falsafah umum zakat, dan pemahaman yang luas mengenai asnaf *gharimin*
 - (b) **Tidak dibenarkan:** berasaskan pemahaman pemilikan (*tamlik*) dalam Surah al-Tawbah, ayat 60 mengenai asnaf zakat dan keperluan menjaga hak asnaf
2. **Crowdfunding menerusi platform digital** adalah berkesan dalam memperoleh pelbagai dana termasuk dana derma/sumbangan dalam masa yang singkat dan mudah. Namun, terdapat beberapa isu implementasi dalam *crowdfunding* berkenaan seperti **ketelusan, kepercayaan, informasi *real-time*, dan kadar fi/yuran pengurusan.**

MUZAKARAH2021 **memutuskan** bahawa:

1. Berdasarkan **parameter (*dawabit*)** tertentu, **dana zakat boleh digunakan** untuk **pembiayaan asnaf zakat yang terkesan dengan pandemik secara *qard hasan***.
2. **Garis panduan perlu diwujudkan** bagi memastikan operasi platform *crowdfunding* sumbangan dana secara digital (*digital charitable crowdfunding*) dilakukan secara lebih telus dan objektif.

Rekomendasi MUZAKARAH2021

MUZAKARAH2021 **merekomendasikan** perkara-perkara berikut:

1. Bagi membina semula kekuatan ekonomi dan membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19, aspek-aspek berikut perlu diperkasakan:
 - (a) Kolaborasi antara pihak kerajaan, IKI, institusi zakat dan wakaf, dan rakan pelaksana (*implementing partners*) bagi mewujudkan kewangan campuran Islam (*Islamic blended finance*).
 - (b) Pelaksanaan perantaraan berasaskan nilai (*value-based intermediation*) dan pelaburan berasaskan impak sosial (*social impact investment*)
 - (c) Penggunaan produk berasaskan kewangan sosial Islam (*Islamic social finance*) seperti pembiayaan kewangan mikro (*microfinance*) dan perlindungan takaful mikro (*micro takaful*)
 - (d) Penubuhan dana industri (*industry pool*) bagi melindungi risiko luar jangka (*large and specialised risk*) dalam takaful
2. Pihak autoriti disaran untuk meneliti isu fleksibiliti penggunaan dana *tabarru'* dalam situasi pandemik dan keperluan kepada persetujuan peserta takaful bagi membolehkan pembiayaan kos rawatan berkaitan risiko yang kebiasaannya terdapat dalam klausa pengecualian kontrak takaful kesihatan.
3. Kajian lanjut perlu dijalankan berhubung dengan perkara-perkara berikut:
 - (a) parameter implementasi mikro kredit berasaskan *qard hasan* bagi dana zakat semasa dan pasca pandemik.
 - (b) penggunaan akad-akad tjari seperti *murabahah* dalam pembiayaan asnaf yang melibatkan dana zakat.
 - (c) pengstrukturkan model-model *Islamic blended finance* yang sesuai untuk dilaksanakan oleh IKI

والله أعلى وأعلم بالصواب